

Dunia Islam patut

Daripada Azman Abdul Hamid **BH**

5 OCT 2000

LONDON, Rabu – Dunia Islam patut belajar bagaimana Malaysia membangun dengan pesat menerusi sains dan teknologi tanpa menyeleweng daripada landasan Islam, kata Pengetua Kolej Islam London, Dr Zaki Badawi.

Beliau berkata, kemajuan yang dicapai Malaysia di bawah pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, membuktikan kesilapan golongan yang mendakwa konon Islam tidak mungkin berjalan seiring dengan sains dan teknologi.

“Dr Mahathir membawa Malaysia ke arah kemajuan sains sambil terus

berpegang kepada prinsip Islam,” katanya di sini semalam pada perjumpaan cendekiawan dan pemimpin Islam sebagai penghormatan kepada Perdana Menteri.

Dr Zaki memberi pujian itu ketika memperkenalkan Dr Mahathir kepada perhimpunan kira-kira 100 wakil pertubuhan Islam dari Britain pada majlis makan malam meraikan Perdana Menteri.

Pada masa yang sama, beliau juga percaya faktor lain yang menyumbang kepada pembangunan Malaysia ialah pelaksanaan dasar ekonomi serta sosial yang sesuai.

“Malaysia tidak memaksa golongan kaya menyerahkan harta mereka kepada orang miskin, tetapi memperluaskan peluang menikmati kekayaan kepada lebih ramai penduduknya.

“Ramai penduduk Malaysia yang kini menikmati pembangunan adalah disebabkan kemajuan ekonomi Malaysia yang mula terserlah pada tahun 80-an.

“Pada 1955, hanya dua peratus penduduk Islam Malaysia mendapat faedah daripada pembangunan, kini angkanya 20 peratus dan meningkat.

“Jadi, keadilan sosial di

Malaysia bukan dilaksanakan menerusi arahan pemerintahan diktator atau sosialis,” kata anak kelahiran Mesir yang juga seorang daripada pensyarah perintis di Kolej Islam Klang, Selangor pada pertengahan 50-an.

Turut hadir Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Britain, Datuk Mohd Amir Jaafar.

Kolej Islam London mendapat pembiayaan kerajaan Libya.

Dr Zaki berkata, kejayaan Dr Mahathir mengatasi kegawatan ekonomi Malaysia adalah contoh kepada pemimpin Islam

contohi Malaysia

lain kerana pendekatan beliau menyelesaikan krisis mata wang, memaksa dunia Barat mengakui kesilapan mereka mengetepikan kebaikan kaedah kawalan modal terpilih”.

“Dr Mahathir juga menunjukkan beliau memiliki banyak idea. Beliau menubuhkan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) selain menggerakkan inisiatif untuk melaksanakan perbankan Islam,” katanya.

Ketika ditanya mengenai perbankan Islam di Malaysia dalam sesi soal jawab, Dr Zaki berkata: “Ia bukan dilakukan dengan membuta tuli, bukan tanpa

kewajaran tetapi dengan syarat bahawa ia mesti bersaing dalam pasaran.”

Beliau berkata, Malaysia adalah negara yang disayangnya kerana ia telah membuktikan umat Islam dan Islam itu sendiri boleh mencapai kemajuan dalam sains dan teknologi.

Katanya, ketika berada di Nigeria, beliau diberitahu oleh seorang ahli sains sosial yang membuat penyelidikan mengenai perancangan bahawa dakwaan terhadap umat Islam ialah bahawa mereka tidak dapat merancang sesuatu kerana mereka terlalu banyak terbabat dalam pertengkaran dan

pertelingkahan “tanpa kefahaman mengenai masa depan.”

Dr Zaki berkata, beliau diberitahu bahawa sesetengah orang Islam tidak dapat merancang kerana mereka hanya berserah kepada nasib.

“Saya ingin membetulkan kekeliruan mengenai perkara ini kerana perancangan adalah sebahagian daripada kepercayaan kita,” katanya.

Sementara itu, dalam ucapannya Dr Mahathir berkata walaupun beliau berusaha keras untuk bersikap optimistik mengenai umat Islam, beliau tidak boleh mengelak daripada

da tiba pada kesimpulan yang muram kerana umat Islam terlalu sibuk dengan perbincangan yang remeh-temeh, tuduhan dan pertelingkahan sesama mereka.

Di Malaysia, katanya, umat Islam cuba menunjukkan bahawa mereka boleh hidup bersama dengan penganut agama lain dan mendukung sains dan kesenian, namun ada pula golongan yang lebih taksub kepada syahid.

“Jihad umat Islam di Malaysia ialah mengenai kemajuan dalam pendidikan dan teknologi dan pembangunan kemanusiaan,” katanya.